

# Tugas getir Ridzuan di Tokyo

■ Jaganathan lihat faktor usia atlet kelahiran Perlis itu mainkan peranan besar

Azlan Muhammad Zain

azlanmz@mediaprima.com.my

HM - 7/2/19 (M/S 67)

Kuala Lumpur

**T**ugas lebih mencabar kini menanti atlet olahraga para, Mohamad Ridzuan Puzi terutamanya dalam matlamat utama mempertahankan emas 100m T36 (cerebral palsy) di Sukan Paralimpik Tokyo 2020.

Hakikat itu diakui jurulatih olahraga para kebangsaan, R Jaganathan yang melihat faktor usia atlet kelahiran Perlis berkenaan akan memainkan peranan yang besar.

“Sebenarnya tugas dia semakin berat kerana sudah berusia 32 tahun. Kebiasaannya, pergerakan atlet cerebral palsy sepertinya akan perlahan apabila semakin berumur.

“Ia adalah cabaran, namun kita akan cuba sehingga 2020 (pertahan emas Sukan Paralimpik) kerana hanya berbaki setahun setengah saja. Kita akan melihat per-



**AKSI Mohamad Ridzuan ketika memenangi acara 200m T36 lelaki akhir pada Sukan Para Asean KL.**

kembangannya,” jelas Jaganathan.

Menurutnya, terdapat beberapa atlet luar yang lebih muda menjadi pesaingnya

terutamanya dari China dan Oman.

Atlet yang turut dikenali sebagai Dik Wan itu sudah meraih pelbagai kejayaan di

peringkat Olimpik, dunia, Asia dan Asia Tenggara.

Terbaru, dia dinobatkan sebagai Atlet Para (Lelaki) Terbaik Asia 2018 di Dubai

awal pagi semalam selepas meraih tiga emas keseluruhan di Sukan Para Asia di Jakarta, Oktober tahun lalu selain mencipta rekod dunia

acara 100m lelaki T36 dan rekod temasya bagi acara lompat jauh.

“Selepas dia tewas kepada atlet China, (Yang Yifei) pada Kejohanan Olahraga Dunia IPC 2017 di London, kami memutuskan tiada rehat dengan latihan diteruskan kerana misi adalah kembali muncul juara dan menewaskan atlet yang sama di Sukan Para Asia.

“Ia berhasil apabila dia menang acara 100m serta dua lagi emas. Pengiktirafan terbaru ini adalah yang tertinggi bagi dirinya dan saya sebagai jurulatih yang sudah bersamanya selama 11 tahun.

“Tiada perkataan yang mampu saya gambarkan dengan pengiktirafan terbaru diberikan kepadanya selepas pelbagai kejayaan diraih dalam pelbagai temasya,” tambahna.

Beliau berkata, misi utama Ridzuan pada tahun ini adalah memastikan emas di Kejohanan Olahraga Dunia IPC yang dijadualkan berlangsung pada November di Dubai.